



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ. ZULKIPLY BIN RAMLI
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
DI
MAJLIS PENUTUP DAN MENANDATANGANI MoU PROGRAM CSR : KEMPEN LEBIH
YAKIN DENGAN POLIDENT ANTARA GLAXOSMITHKLINE DAN JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT
PADA 21 SEPTEMBER 2015
BERTEMPAT DI RSK KEMUMIN, KELANTAN**

1 | Page

Bismillahirrahmanirrahim.

YBhg. Puan Sunitha Shanmugam
Regulatory Affairs Director
GlaxoSmithKline Consumer Healthcare

YBrs. En. Mohd Hazli bin Ahmad
Pengarah Bahagian Pengurusan

2 | Page

YBrs. Puan Mumtaj Begum bt. Mohd Sultan
Pengarah Bahagian Kawalan Standard

YBrs. En. Mohammad Hanafi bin Maulud
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

YBrs. En. Mohamad Aziz bin Abdul Kapi
Wakil Pengarah Bahagian Warga Emas

3 | Page

En. Wira bin Mahmood
Penguasa RSK Kemumin

Pegawai Penyelaras Klinik Pergigian Kota Bharu

Ketua Jabatan dan Wakil Ketua Jabatan

Rakan Media

4 | Page

Warga Kerja dan Penghuni Rumah Seri Kenangan Kemumin, serta

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Assalamualaikum w.b.t,

Salam sejahtera, Salam Kebajikan dan Salam 1 Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya juga,

5 | Page

dapat kita berkumpul dalam Majlis Penutup dan Menandatangani MoU Program CSR : Kempen Lebih Yakin Dengan Polident antara GlaxoSmithKline (GSK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Syarikat GlaxoSmithKline kerana sudi menjalankan tanggungjawab sosial korporat bagi mempertingkatkan tahap kualiti kesihatan kepada kumpulan sasar Warga Emas Jabatan

6 | Page

Kebajikan Masyarakat dan di Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Bahagian Komuniti dan Bahagian Warga Emas kerana telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama CSR bersama Syarikat GlaxoSmithKline untuk kumpulan sasar Warga Emas.

7 | Page

4. Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan dan Rumah Seri Kenangan Kemumin yang turut memberi kerjasama dalam menjayakan majlis pada hari ini.

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

5. Tanggungjawab Sosial Korporat bukanlah satu perkara baharu di Malaysia. Sejak dari Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9), Kerajaan telah menekankan kerjasama

8 | Page

erat di antara sektor korporat dan Kerajaan dalam usaha mencapai keseimbangan sosioekonomi Negara. Sektor korporat diminta untuk turut berada di barisan hadapan dan seiring dengan pihak Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat terbela dan tidak sahaja tergalas di bahu sebelah pihak semata-mata.

9 | Page

6. Pada masa kini, kerjasama begini dimantapkan lagi dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang telah dilihamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak.

7. Gabungan kedua-dua entiti penting ini dilihat menjadi prasyarat untuk merealisasikan misi nasional dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat Malaysia dalam merealisasikan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”.

10 | Page

8. Ini adalah kerana badan-badan korporat adalah sebahagian daripada sektor swasta yang secara dasarnya memperolehi mandat dan kuasa mereka daripada masyarakat di bawah prinsip ‘kontrak sosial’. Prinsip ini secara dasarnya memerlukan pihak syarikat dan swasta memberi perkhidmatan dengan penuh tanggungjawab, amanah, sempurna dan memenuhi keperluan dan kemahuan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan hidup masyarakat.

11 | Page

9. JKM juga sedang dalam usaha memperkenalkan satu pendekatan baharu iaitu *de-Institutionalisation* (DI) yang mana ia merupakan proses untuk menggantikan penempatan di institusi kebajikan secara berterusan dengan menempatkan kanak-kanak, warga emas atau orang kurang upaya (OKU) di dalam komuniti. Dalam hal ini, syarikat korporat, swasta, NGO dan masyarakat boleh bersama-sama menunaikan tanggungjawab sosial untuk mengembalikan kumpulan sasar yang berada di institusi

12 | Page

kepada komuniti dengan menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan di dalam komuniti itu sendiri.

10. Dalam pada itu, Kerajaan masih lagi menyediakan Bantuan Kewangan kepada PSK yang layak sebagai galakkan dan sokongan kepada mereka yang bergandingan bahu dengan Kerajaan, menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk golongan masyarakat yang memerlukan yang juga merupakan kumpulan sasar Jabatan.

13 | Page

11. Walau bagaimanapun, Bantuan Kewangan Kerajaan kepada PSK adalah terhad dan mengikut kadar serta pada syarat-syarat yang hanya dibenarkan sahaja seperti bantuan makan dan minum penghuni atau rangsum, bantuan pentadbiran dan bantuan penyelenggaraan. Pada tahun 2014, Kerajaan telah meluluskan bantuan kepada 241 buah PSK dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. Bagi tahun 2015 pula, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM..... untuk membantu sebanyak PSK.

14 | Page

12. Bagi membolehkan PSK ini beroperasi dengan lancar, iaanya memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya syarikat-syarikat korporat. Pada tahun 2014, JKM telah merekodkan sebanyak 1,149 syarikat atau pihak korporat yang telah memberi sumbangan bernilai RM5.4 juta kepada PSK dan kumpulan sasar JKM yang memerlukan. Manakala sehingga Mac 2015, JKM merekodkan sebanyak 238 syarikat atau pihak korporat yang memberi sumbangan kepada 66 PSK dengan nilai sumbangan sebanyak RM954,000.

15 | Page

13. Sumbangan dalam apa jua bentuk daripada syarikat korporat amatlah berharga dan sudah tentu usaha ini akan banyak membantu meringankan beban yang ditanggung oleh individu dan PSK.

14. Bagi keperluan PSK yang lain seperti menambah ruang fasiliti PSK, program dan aktiviti sosial dan lain-lain, kita memerlukan kerjasama dan sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk syarikat korporat. Sumbangan daripada syarikat korporat untuk tujuan kebajikan boleh

16 | Page

dipertimbangkan bagi tujuan mendapat pengecualian cukai pendapatan.

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

15. Kita merasa bertuah kerana melalui Program Kempen ‘Lebih Yakin Dengan Polident’ ini, Syarikat GlaxoSmithKline telah menyumbangkan set barang penjagaan gigi palsu Polident kepada setiap peserta dalam menjayakan program CSR kepada Warga Emas di Institusi JKM, Pusat Aktiviti

17 | Page

Warga Emas (PAWE) dan PSK di seluruh Semenanjung Malaysia.

16. Majlis Pelancaran Kempen Lebih Yakin Dengan Polident ini telah dilancarkan pada 1Jun 2015 di PAWE Cheras. Saya difahamkan sebanyak 11 lokasi telah dipilih bagi menjayakan kempen ini iaitu 2 buah Rumah Seri Kenangan, 4 buah PAWE dan 5 buah Rumah Sejahtera. Kempen ini dilihat bukan sekadar memberi manfaat kepada Warga Emas yang berada di institusi sahaja tetapi juga

18 | Page

masyarakat sekeliling yang turut sama dijemput menghadirinya.

17. Penganjuran kempen seperti ini adalah satu langkah tepat yang membolehkan kita berkongsi idea dan amalan terbaik dalam melaksanakan kerjasama bersama Kerajaan dan swasta yang lestari dan berimpak tinggi.

18. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas usaha murni ini. Saya percaya terdapat banyak lagi syarikat

19 | Page

korporat yang sudi tampil membantu bagi menjalankan kerjasama dalam bentuk yang lain dengan Jabatan.

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

19. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini sejak dari 1 Jun 2015 hingga ke hari ini 21 September 2015, terutama kepada Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Pengarah Jabatan

20 | Page

Kesihatan Negeri serta semua Agensi Kerajaan dan swasta yang terlibat.

20. Sekali lagi diucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Syarikat GlaxoSmithKline Malaysia yang telah bersama menjayakan majlis penutup ini dan program CSR kepada kumpulan sasar Jabatan.
21. Akhir kata dengan lafaz Bismillahi rahmani rahim saya dengan ini merasmikan Majlis Penutup dan Menandatangani

21 | Page

MoU Program CSR : Kempen Lebih Yakin Dengan Polident antara GlaxoSmithKline dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi
Wabaraktu.

22 | Page